

# DIMENHYDRINATE SYRUP

Dimenhydrinate (15mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dimenhydrinate Syrup
2. Bagaimana Dimenhydrinate Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dimenhydrinate Syrup
4. Cara menggunakan Dimenhydrinate Syrup
5. Semasa menggunakan Dimenhydrinate Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dimenhydrinate Syrup
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dimenhydrinate Syrup

Dimenhydrinate Syrup digunakan untuk pencegahan dan rawatan loya, muntah atau gait dan mabuk perjalanan.

## Bagaimana Dimenhydrinate Syrup berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Dimenhydrinate. Ia adalah diphenhydramine theoclate dan mempunyai sifat-sifat umum diphenhydramine hydrochloride. Ia pada asasnya adalah anti-histamin dengan kesan sampingan anti- kolinergik dan sedatif.

## Sebelum menggunakan Dimenhydrinate Syrup

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Dimenhydrinate Syrup jika: -

- anda hipersensitif kepada dimenhydrinate atau mana-mana bahan kandungan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.
- digunakan sebagai anestetik setempat disebabkan oleh risiko kematian tisu badan setempat.
- bayi yang baru lahir atau pra-matang dan ibu yang menyusui.

### - Sebelum menggunakan Dimenhydrinate Syrup

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda:

- mempunyai asma, glaukoma (tekanan dalam mata meningkat), atau pembesaran kelenjar prostat.

### Mengandung dan penyusuan bayi

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi.

Ia tidak digalakkan untuk wanita hamil dan ibu menyusui kecuali manfaat yang dijangka melebihi potensi risiko.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubatan yang boleh berinteraksi dengan Dimenhydrinate Syrup. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil :-

- Central Nervous System (CNS) depressants, tricyclic depressants, and Monoamine oxidase inhibitor (MAOIs) untuk rawatan kemurungan.
- Antibiotik, untuk merawat jangkitan bakteria.
- Atropine untuk masalah jantung.

## Cara menggunakan Dimenhydrinate Syrup

### - Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Dimenhydrinate Syrup dengan tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda tetapkan.

Dewasa: 50 hingga 100 mg setiap 6 hingga 8 jam.

Kanak-kanak (6 hingga 12 tahun): 25mg untuk 50mg setiap 6 hingga 8 jam tidak melebihi 150mg dalam 24 jam.

Kanak-kanak (2 hingga 6 tahun): Sehingga 25mg setiap 6 hingga 8 jam tidak melebihi 75mg dalam masa 24 jam.

Untuk mencegah mabuk perjalanan, dos pertama perlu diambil setengah hingga 1 jam sebelum permulaan aktiviti

### - Bila perlu digunakan

Gunakan Dimenhydrinate Syrup apabila diperlukan dan mengikut preskripsi doktor.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil Dimenhydrinate Syrup dalam tempoh yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil dos yang seterusnya dan abaikan dos yang terlepas.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan terlalu banyak sirap boleh meningkatkan tanda-tanda dan simptom seperti halusinasi, gangguan mental, gangguan pergerakan, muntah, gait, sawan dan kekurangan oksigen dalam darah akibat daripada masalah pernafasan yang boleh membawa kepada koma, kulit menjadi warna kebiruan dan kematian.

## Semasa menggunakan Dimenhydrinate Syrup

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti doktor anda telah memberitahu anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Dimenhydrinate Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

### - Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Dimenhydrinate Syrup kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan seperti anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila melakukan aktiviti yang memerlukan kecerdasan mental seperti memandu kereta atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana ubat ini memberi kesan kepada anda

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dimenhydrinate Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Mengantuk adalah kesan sampingan yang paling biasa, terutama pada dos yang tinggi.

Yang lain termasuk gangguan koordinasi, keletihan, keresahan, kekeliruan, gelisah, penglihatan kabur, deringan dalam telinga, geletar, cepat marah, gangguan epigastrik, fotosensitiviti, kekeringan mulut, hidung dan tekak, peluh berlebihan, ruam ubat dan tekanan darah rendah. Kekurangan sel darah merah dan putih, sakit kepala, sukar kencing dan masalah pernafasan juga dilaporkan.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku kepada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers→Reporting)

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Dimenhydrinate Syrup**

- Penyimpanan  
Simpan pada atau di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

#### **-Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

#### **-Rupa dan warna produk**

Sirap jernih, berwarna kuning dengan perisa limau.

#### **-Bahan-bahan kandungan**

- Bahan-bahan aktif  
Setiap 5ml mengandungi 15mg Dimenhydrinate.

- Bahan- bahan tidak aktif

- Quinoline Yellow 70E
- Spirit Chloroform
- Lemon Flavour
- Sunset Yellow
- Syrup Simplex
- Propylene Glycol

- Glycerine
- Deionised water

#### **-Nombor MAL**

MAL19870316A

#### **Pengilang**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

#### **Tarikh Kemaskini RiMUP**

22/12/2015

#### **Nombor siri**

BPFK(R4/1)011215/00472